



Pelan Strategik JKDM

2020 - 2024

**Hak Cipta Terpelihara
© Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2019**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Diterbitkan Oleh:

Bahagian Perancangan Korporat
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No.3, Persiaran Perdana, Presint 2
62596 Putrajaya, Malaysia

No. Tel : 603-8882 2100 / 2300
E-mel : ccc@customs.gov.my
Laman Web : www.customs.gov.my

Dicetak Oleh:

Percetakan Walina
32A, Jalan Setia Ecohill 1/5A
Setia Ecohill, 43500 Semenyih
Selangor

No. Tel : +6019-254 4504
E-mel : walinas02@gmail.com

KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pengarah Kastam Malaysia	1
PENDAHULUAN	
Pengenalan	2
Evolusi Pelan Strategik JKDM	3
Carta Organisasi	4
Peranan JKDM	5
Punca Kuasa	6
Pemegang Taruh (Stakeholders) Dan Pelanggan Jabatan	7
Senario Perubahan Persekutaran	8

BAHAGIAN 1

HALA TUJU STRATEGIK

Visi, Misi & Slogan	13
Etika Perkhidmatan Kastam	14
Nilai Bersama	15
Model Pelan Strategik	16
Teras Strategik	17

BAHAGIAN 2

PELAN TINDAKAN

Teras Strategik 1 : Tadbir Urus dan Integriti	19
Memperkasakan Tadbir Urus dan	
Memperkuatkukuhkan Integriti Secara Berterusan	
Teras Strategik 2 : Hasil dan Fasilitasi	23
Mempertingkatkan Pungutan Hasil dan	
Memantapkan Fasilitasi	
Teras Strategik 3 : Penguatkuasaan dan Pematuhan	27
Memperkasakan Penguatkuasaan dan	
Pematuhan Perundangan	
Teras Strategik 4 : Modal Insan dan Teknologi	30
Mempertingkatkan Keupayaan Modal Insan dan	
Memperkasakan Penggunaan Teknologi	
Mekanisme Pelaksanaan	34
Penutup	39

Perutusan

Ketua Pengarah Kastam Malaysia

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّكَاتُهُ

Salam Sayangi Malaysiaku,
Salam Sayangi Kastamku dan
Salam Semarak Integriti Kastam



Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izinNya Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah berjaya membangunkan Pelan Strategik JKDM 2020-2024. Syabas dan tahniah saya ucapan kepada Pasukan Pembangunan Pelan Strategik JKDM atas hasil usaha yang murni ini. Pembangunan Pelan Strategik ini mengambil kira perubahan lanskap sosio-ekonomi dan cabaran yang sedang berlaku dalam negara serta dunia global. Usaha yang dijalankan oleh JKDM untuk membangunkan Pelan Strategik JKDM 2020-2024 adalah bertepatan pada waktunya.

“Pelan Strategik JKDM 2020-2024 merupakan perancangan pengurusan tertinggi yang mengandungi visi, misi, objektif, teras strategik, slogan dan nilai bersama sebagai salah satu budaya perkhidmatan jabatan bagi memenuhi jangka harap pemegang taruh (stakeholders) dan rakyat untuk tempoh lima tahun akan datang.

Pelan ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada warga JKDM di semua peringkat dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai program serta aktiviti berdasarkan kepada teras strategik dan sasaran yang telah ditetapkan.

”

Perancangan strategik dan inisiatif di bawah Pelan Strategik JKDM 2020-2024 akan menjadi hala tuju terbaik bagi mempertingkatkan perkhidmatan JKDM melalui kecekapan pungutan hasil, memberi fasilitasi perdagangan dan menguatkuaskan undang-undang ke arah kemakmuran negara.

Akhir kata, saya percaya dan yakin visi “Kastam Peneraju Kemakmuran Negara” dapat dihayati dan direalisasikan oleh semua warga jabatan. Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas komitmen semua yang terlibat dalam membangunkan Pelan Strategik JKDM 2020-2024.

Sekian, terima kasih.

DIRAJA

“Berkhidmat Memakmurkan Negara”

YBHG. DATO' SERI PADDY BIN ABD HALIM
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA

PENGENALAN



Sejarah percukaian negara bermula semenjak Kerajaan Melayu Melaka abad ke-15, tugas memungut cukai kastam dikawal oleh Penghulu Bendahari. Seterusnya, undang-undang *The Revenue Farms Enactment No.11, 1904* diperkenalkan dengan memberikan tanggungjawab kepada Pengawal Kastam untuk mengurus aktiviti kutipan cukai barang import, minuman keras dan jualan candu melalui *Tax Farming System*.

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada bulan Ogos 1957 sekali lagi Jabatan Kastam dan Eksais dari segi struktur pentadbirannya disusun semula untuk memenuhi keperluan Tanah Melayu yang merdeka. Pentadbiran Jabatan Kastam dan Eksais telah diletakkan di bawah Kementerian Kewangan yang diketuai oleh seorang Pengawal Kastam dan Eksais yang bertanggungjawab kepada Menteri Kewangan.

Jabatan Kastam dan Eksais telah berjaya mengharungi cabaran dari semasa ke semasa untuk memenuhi tanggungjawab sebagai pemungut hasil negara. Sebagai pengiktirafan ke atas sumbangan tersebut, DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

telah menganugerahkan gelaran ‘Diraja’ kepada jabatan pada 20 Oktober 1963 menjadi Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja dan kini dikenali sebagai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Pada masa ini, JKDM merupakan sebuah agensi kerajaan persekutuan di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab mentadbir pelaksanaan sistem cukai tidak langsung negara melalui pungutan hasil, pemberian fasilitasi perdagangan dan perindustrian kepada komuniti perniagaan serta menguatkuaskan undang-undang dalam membanteras penyeludupan barang bagi menjamin keselamatan dan kemakmuran negara.

Dalam mengharungi pelbagai cabaran, JKDM telah membangunkan Pelan Strategik Jabatan bermula pada tahun 2000. Ianya merupakan satu proses perancangan, penyusunan, pelaksanaan, pemantauan dan pengawalan dalam sesebuah organisasi bagi mencapai visi dan misi yang ditetapkan. Pengurusan strategik yang berkesan bermula daripada pembangunan dan penyediaan pelan strategik yang komprehensif.

Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) 2020-2024 disediakan sebagai pelan induk bagi menentukan hala tuju, panduan dan rujukan untuk tempoh lima tahun akan datang bermula pada tahun 2020.

EVOLUSI PELAN STRATEGIK JKDM

Pelan Strategik JKDM 2020-2024 adalah kesinambungan kepada pelan-pelan strategik yang lalu. Pelan ini dibangunkan bagi memata hala tuju, rangka dasar agenda pembangunan, pemodenan pengurusan dan sistem penyampaian perkhidmatan bagi tempoh lima tahun akan datang.



2015 - 2019



2010 - 2014



2006 - 2009



2000 - 2005




2020 - 2024

CARTA ORGANISASI

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA (TURUS III)



DIRAJA

PERANAN JKDM

JKDM berperanan untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan memelihara keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat melalui tiga fungsi utama seperti berikut:

Memungut Hasil Negara



1 Duti Import

2 Duti Eksport

3 Duti Eksais

4 Cukai Jualan

5 Cukai Perkhidmatan

6 Levi Keuntungan Luar Biasa

7 Levi Pelepasan

8 Levi Kenderaan

9 Hasil Bukan Cukai

10 Hasil Negeri / Wang Amanah

11 Cukai Pelancongan

Memberi Fasilitasi Kepada Sektor Perdagangan dan Perindustrian



1 Fasilitasi perkastaman selari dengan dasar semasa kerajaan

2 Kemudahan pengecualian cukai kepada pengimport

3 Pengecualian cukai terhadap bahan mentah dan mesin pengilang

4 Kemudahan bayaran balik duti / cukai dan tuntutan pulang balik duti / cukai

5 Kemudahan pelepasan dagangan import, eksport dan pelepasan penumpang

Menguatkuasakan Undang-Undang



1 Menguatkuasakan akta-akta dan perundangan subsidiari

PUNCA KUASA

Punca kuasa JKDM dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab adalah berasaskan akta-akta dan perundangan subsidiari seperti berikut:

- 1 Akta Kastam 1967**
- 2 Akta Cukai Jualan 2018**
- 3 Akta Cukai Perkhidmatan 2018**
- 4 Akta Eksais 1976**
- 5 Akta Zon Bebas 1990**
- 6 Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998**
- 7 Akta Levi Pelepasan 2019**
- 8 Akta Cukai Pelancongan 2017**
- 9 Perundangan subsidiari yang berkaitan**

PEMEGANG TARUH & PELANGGAN JABATAN



- Agensi-agensi Kerajaan Lain

- Pengimport
- Pengeksport
- Pedagang

- Pengusaha
- Peniaga
- Konsultan

- Pengilang Berdaftar
- Pemberi Perkhidmatan Berdaftar

- Ejen Kastam
- Ejen Penghantaran
- Ejen Perkapalan

- Institusi Kewangan
- Perbankan

- Badan Berkanun
- Profesional

- Rakyat
- Orang Awam

- Persatuan-Persatuan Perniagaan
- Perdagangan
- Pengilangan

- Media

- Warga Jabatan

- Badan Bukan Kerajaan (NGO)

SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN

Perubahan persekitaran luaran hasil kepesatan kemajuan teknologi, senario politik, kehendak rakyat dan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) memerlukan anjakan paradigma yang lestari bagi memastikan JKDM sentiasa dinamik selaras dengan perubahan persekitaran.



Wawasan Kemakmuran Negara Bersama 2021-2030

Wawasan yang merangkumi tempoh 2021-2030 merupakan iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang terus berkembang dengan rancak dan mampu.

Ekonomi Malaysia akan distruktur semula ke arah lebih progresif berpaksikan penggunaan teknologi tinggi, inovasi, penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Tumpuan akan diberikan kepada sumber-sumber pertumbuhan baharu yang merangkumi ekonomi digital, industri aeroangkasa, pertanian pintar dan perkhidmatan sokongan untuk Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0).

Sebagai agensi di barisan hadapan JKDM memainkan peranan dalam melaksanakan perundungan yang telah ditetapkan dengan penuh cekap dan berkesan bagi memastikan jangka harap rakyat dan pemegang taruh dipenuhi demi kemakmuran rakyat.



Pemerkasaan Modal Insan

Pemerkasaan modal insan memainkan peranan yang sangat penting kepada kecemerlangan dan kemajuan JKDM. Modal insan mesti berilmu serta memiliki kemahiran yang bersesuaian dan berfikiran strategik supaya sentiasa relevan dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran.

- ⦿ Keperluan dalam mewujudkan *Subject Matter Expert* (SME) dalam JKDM melalui pengiktirafan pegawai yang memiliki keupayaan intelektual dan kepakaran yang tinggi, berpengalaman luas dalam bidang kepakaran serta menjadi sumber rujukan dalam dan luar organisasi ke arah memastikan pengekalan bakat terbaik dan berkepakaran tinggi.
- ⦿ Perancangan dalam pelan pengantian (succession plan) diberi penekanan bagi memastikan pegawai pelapis kepimpinan jabatan dapat disediakan untuk memenuhi keperluan JKDM pada masa kini dan akan datang.
- ⦿ Pengukuhan nilai-nilai murni dalam kalangan warga jabatan adalah amat penting untuk memastikan setiap warga JKDM memiliki tahap integriti yang tinggi, bertanggungjawab, komited terhadap tugas dan sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan.

SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN



e-Dagang

e-Dagang adalah penggunaan rangkaian teknologi informasi dan komunikasi (ICT) di dalam aktiviti-aktiviti komersial. Peniaga menggunakan e-Dagang untuk membeli dan menjual barang serta menyediakan perkhidmatan pelanggan.

Skop e-Dagang adalah jauh lebih besar dan merangkumi semua jenis tindakan perniagaan termasuk transaksi yang berkaitan dengan pembelian dan penjualan. Pengguna kini boleh mendapatkan maklumat lebih cepat mengenai pembekalan barang dan perkhidmatan di dalam rantaian global dengan penggunaan e-Dagang. JKDM telah mengambil langkah dengan memperkasakan perkhidmatan *online* jabatan (e-services) seperti *e-payment*, *e-manifest* dan *e-declare*.



Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0)

Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) menggabungkan dunia biologikal, fizikal dan digital serta menghasilkan pelbagai teknologi baharu yang memberi kesan kepada pelbagai disiplin, ekonomi dan industri.

Dengan berkembangnya teknologi automasi, robotik, pengkomputeran awan (cloud computing), kecerdasan buatan (Artificial Intelligence) dan internet untuk segala-galanya (Internet of Things) serta komunikasi, kerja-kerja rutin bakal diganti oleh mesin dan robot. Perubahan teknologi yang berlaku dengan pantas ini memerlukan pelan perancangan yang mampan dan menyeluruh oleh JKDM supaya perkembangan ekonomi berdasarkan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dapat dimanfaatkan sebaiknya.



Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan 2.0 (CJCP)

Kerajaan telah memperkenalkan semula Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) bermula pada 1 September 2018 bertujuan memberi manfaat kepada peniaga / pengimport / pengilang / pemberi perkhidmatan melalui kos pematuhan dan pentadbiran yang lebih rendah serta secara tidak langsung mengurangkan kos sara hidup rakyat.

JKDM perlu menyesuaikan kaedah pelaksanaan sistem percukaian yang diperkenalkan semula dan menjana kutipan hasil secara berkesan. JKDM perlu meningkatkan usaha-usaha mengekang ketirisan hasil negara melalui penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang.

SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN



Permintaan Masyarakat Terhadap Perkhidmatan Di Hujung Jari

Revolusi kecanggihan penggunaan gajet serta diaplikasikan dengan teknologi maklumat dan komunikasi telah banyak mempengaruhi cara hidup masyarakat. Capaian internet menjadi satu elemen baharu dalam memudahkan urusan kehidupan masyarakat. Kehendak masyarakat yang mahukan semua perkhidmatan berada di hujung jari yang melangkaui dunia tanpa sempadan telah melahirkan budaya masyarakat bermaklumat.

Menyedari pentingnya kehendak masyarakat bermaklumat, JKDM perlu terus menyedia dan menawarkan perkhidmatan pentadbiran secara dalam talian (on-line) yang berkesan dan berkualiti tinggi kepada rakyat dan komuniti perniagaan.



Memanteras Penyaludupan Rokok Dan Minuman Keras

Peningkatan permintaan terhadap rokok dan minuman keras yang diseludup menyebabkan negara kehilangan duti dan cukai mencécah berbilion ringgit (RM) setahun.

Strategi-strategi yang komprehensif perlulah dilaksanakan bagi mengekang dan membanteras aktiviti-aktiviti penyaludupan secara menyeluruh terutama di kawasan sempadan darat, laut dan udara. Usaha untuk mempertingkatkan penggunaan teknologi *Non Intrusive Inspection* (NII) melalui mesin pengimbas dan juga penggunaan peralatan teknologi moden dan terkini seperti *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV), *Remote Satellite Sensing* (RSS), *Mobile Command Center* dan lain-lain alat pengesan berteknologi tinggi yang boleh membantu bagi mengesan, memantau dan membendung aktiviti-aktiviti penyaludupan.



Collaborated Border Management (CBM)

CBM diperkenalkan oleh JKDM pada tahun 2017 yang melibatkan kerjasama tiga bahagian iaitu Bahagian Penguatkuasaan, Perkastaman dan Perkhidmatan Teknik untuk mengawal, memantau dan mengambil tindakan bersepadan ke atas konsaimen berisiko tinggi dan memberi fasilitasi pelepasan segera di semua pintu masuk negara bagi memastikan komuniti perdagangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditadbir oleh JKDM.

SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN



Penyampaian Perkhidmatan Menerusi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau *Information Communication Technology* (ICT) mampu mengubah cara warga jabatan bekerja dan seterusnya mempermudahkan pelanggan berurusan dengan jabatan. ICT juga membolehkan perkhidmatan disediakan melalui pelbagai saluran dengan cepat, cekap, berkesan dan telus. Kemajuan ICT terbukti dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan jabatan. Selain itu, jabatan akan terus meningkatkan kemudahan ICT dan menaik taraf sistem aplikasi sedia ada dan membangunkan sistem baru yang membantu mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan JKDM yang mana secara tidak langsung meningkatkan kutipan hasil.

Inisiatif pemerkasaan ICT JKDM untuk menggantikan prosedur kastam berdasarkan dokumen kepada operasi elektronik (paperless), dengan itu mewujudkan persekitaran kastam yang lebih cekap dan moden selaras dengan perkembangan global.



Fasilitasi Perdagangan Antarabangsa

Senario perdagangan antarabangsa telah menambah lagi fungsi tradisi kastam daripada hanya memungut cukai kepada menyediakan fasilitasi perdagangan dan perindustrian negara serta meningkatkan penguatkuasaan dan pematuhan selaras dengan perkembangan perdagangan dunia. Peningkatan dalam aktiviti perdagangan antarabangsa menyebabkan sistem perdagangan sedia ada menjadi semakin mencabar dan kompleks. Selain itu, Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreement) yang telah diratifikasi perlu disesuaikan dengan perundangan jabatan.

Oleh yang demikian, JKDM perlu bersedia memenuhi tuntutan perjanjian perdagangan dan komitmen antarabangsa, seperti layanan keutamaan perdagangan (preferential trade) dan mengikut prinsip Rules of Origin (RoO) dan memberi fasilitasi perdagangan di bawah Mutual Recognition Arrangement-Authorised Economic Operator (MRA-AEO).



Ancaman Jenayah Rentas Sempadan

Perdagangan antarabangsa berorientasikan import dan eksport yang meningkat dari tahun ke tahun memberi kesan kepada keselamatan rangkaian bekalan perdagangan yang mudah dieksloitasi oleh penyeludup dan pengganas. Gangguan daripada Jenayah Rentas Sempadan kepada rangkaian bekalan boleh menyebabkan perdagangan antarabangsa terhenti atau tergendala. Jenayah Rentas Sempadan yang terancang beroperasi melalui rangkaian perdagangan dan terlibat dalam aktiviti haram seperti mengelak duti / cukai, frod melepassi sempadan, penyeludupan dadah, penyeludupan senjata api, barang berbahaya (strategic goods), barang larangan, penggubahan wang haram (money laundering), perdagangan barang tiruan, jenayah pemerdagangan manusia dan penyeludupan flora dan fauna.

Situasi ini menuntut JKDM memperkasakan kecekapan melalui peningkatan pengetahuan, pemantauan, penambahbaikan sistem dan prosedur, kawalan sempadan yang berkesan dan peningkatan penguatkuasaan serta risikan dan perkongsian maklumat dengan agensi negara luar yang berkaitan.



BAHAGIAN 1

HALA TUJU STRATEGIK



VISI, MISI & SLOGAN

VISI



Kastam Peneraju Kemakmuran Negara



MISI

Memungut Hasil Negara,
Memberi Fasilitasi Perdagangan Dan
Menguatkuasakan Undang-Undang
Demi Kemakmuran Negara

SLOGAN



Berkhidmat Memakmurkan Negara

ETIKA PERKHIDMATAN KASTAM



Amanah Berkhidmat

Sentiasa AMANAH dalam memberi khidmat kepada masyarakat, jabatan dan negara. Teras utama adalah sifat bertanggungjawab dan berintegriti.

Bersedia memberi khidmat berdasarkan penghayatan nilai-nilai murni dalam segala tindakan dan urusan serta sentiasa berusaha menghindari sikap dan perilaku negatif.

AMANAH dalam menegakkan kebenaran, tegas dalam menguatkuasakan perundangan jabatan dan adil dalam membuat keputusan.

Ikhlas

Sentiasa IKHLAS dalam memberi perkhidmatan dan saling membantu demi menjayakan hasrat jabatan.

Sedia memberi dan menerima teguran yang baik serta mengakui kelemahan yang ada di samping berusaha untuk mengatasinya.

Berkhidmat dengan IKHLAS kepada agama, bangsa dan negara serta berbangga atas tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Dedikasi

DEDIKASI dalam memberi perkhidmatan ke arah melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Sentiasa berusaha ke arah perubahan yang baik demi kepentingan kerjaya dan perkhidmatan.

Membudayakan sifat kepimpinan melalui teladan dan memupuk semangat kekitaan (esprit de corps) di kalangan warga jabatan.

NILAI BERSAMA



Maksud Nilai Bersama

i-SPEED adalah akronim kepada enam elemen utama dalam dasar pengurusan JKDM bagi memastikan pencapaian visi dan misi yang terdiri daripada nilai-nilai *Integrity, Speed, Professional, Efficient, Effective* dan *Dynamic*.

Integrity – INTEGRITI

Integriti bermaksud kejujuran, ketelusuran dan kesempurnaan. Integriti ialah teras kepada elemen *Speed, Professional, Efficient, Effective* dan *Dynamic*. Pengurusan JKDM pada setiap masa memastikan perkhidmatan kastam dihasilkan secara berintegriti, amanah, jujur, bertingkahlaku mulia, beretika, boleh dipercayai serta memelihara kepentingan awam dan bukannya untuk kepentingan diri sendiri.

Speed – PANTAS

Pantas bermaksud tangkas, cepat, laju, lekas, cergas atau segera. Pengurusan JKDM mengutamakan perkhidmatan kastam disampaikan secara pantas dan lebih cepat daripada masa yang dijadualkan kerana masa adalah amat berharga. Semakin pantas warga kastam menyempurnakan tugasannya maka semakin cekap perkhidmatan JKDM.

Professional – PROFESIONAL

Profesional bermaksud mempunyai kemampuan atau kemahiran khusus untuk melaksanakan tugas tertentu. Pengurusan JKDM mementingkan output perkhidmatan yang dihasilkan oleh warga yang berkemahiran, berpengetahuan dan berkeupayaan dalam tugas yang dilakukannya melalui pematuhan undang-undang, peraturan, perintah, pekeliling dan undang-undang yang berkaitan. Sikap profesional memberikan kepuasan kepada pelanggan, pemegang taruh dan rakyat, rakyat dan komuniti antarabangsa.

Efficient – CEKAP

Cekap bermaksud mahir, berwibawa, berketerampilan atau bijaksana dalam melaksanakan tugas dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Pengurusan JKDM mengutamakan output perkhidmatan kastam dihasilkan melalui pengendalian sumber secara bijaksana serta dapat mencapai sesuatu tujuan.

Effective – BERKESAN

Berkesan bermaksud menimbulkan hasil seperti yang diharapkan. Pengurusan JKDM memastikan output perkhidmatan kastam berusaha memberikan kesan kebaikan dan impak berfaedah kepada semua pihak dalam JKDM, pelanggan, pemegang taruh dan rakyat secara menyeluruh.

Dynamic – DINAMIK

Dinamik bermaksud bersifat cergas, bertenaga dan mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan. Pengurusan JKDM bersifat dinamik serta membolehkan pelanggan termasuk organisasi mereka berdaya maju dan mampu bersaing di peringkat global. Output perkhidmatan kastam dihasilkan melalui proses kerja yang bertambah baik secara berterusan selaras dengan keperluan semasa semua pihak.

MODEL PELAN STRATEGIK

Model pelaksanaan Pelan Strategik JKDM 2020-2024 adalah seperti dalam gambarajah di bawah. Model ini dinamakan Model Pelan Strategik JKDM 2020-2024.



TERAS STRATEGIK

TERAS PELAN STRATEGIK JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA TAHUN 2020-2024

Empat teras strategik telah dikenalpasti bagi membantu JKDM melaksanakan peranan yang dipertanggungjawabkan serta menangani isu kritikal dan cabaran yang akan dihadapi dalam merealisasikan visi dan misi yang ditetapkan.





BAHAGIAN 2

PELAN TINDAKAN



TERAS 1

Tadbir Urus Dan Integriti



TERAS 2

Hasil Dan Fasilitasi

01

Peningkatan Hasil



Meningkatkan kawalan ke atas fasilitasi yang diberikan kepada pelanggan jabatan

02



Melaksanakan sepenuhnya komitmen antarabangsa berhubung dengan fasilitasi perdagangan

03

Mempertingkatkan pungutan hasil dan memantapkan fasilitasi

STRATEGI-STRATEGI

TERAS 3

Penguatkuasaan Dan Pematuhan



TERAS 4

Modal Insan Dan Teknologi



MEKANISME PELAKSANAAN

Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2020 – 2024

Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) 2020-2024 merupakan perancangan pengurusan tertinggi jabatan berdasarkan kepada program dan tindakan yang telah dirancang. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kastam, Penolong-Penolong Ketua Pengarah Kastam, Pengarah-Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah-Pengarah Operasi Zon, Pengarah Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL), Pengarah-Pengarah Kastam Negeri dan Pemungut Cukai Kastam Persekutuan (PCKP) hendaklah melaksanakan program dan tindakan yang dirancang mengikut sasaran yang telah ditetapkan. Kejayaan mekanisme pelaksanaan Pelan Strategik JKDM 2020-2024 bergantung kepada kaedah pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan ke atas program yang dirancang. Mekanisme pemantauan hendaklah diadakan secara sistematis.

Jentera Pelaksanaan

Jawatankuasa Pemantapan Pelaksanaan Pelan Strategik JKDM ditubuhkan di peringkat ibu pejabat, zon dan negeri berperanan sebagai pemantau dan penggerak pelaksanaan pelan strategik. Jawatankuasa ini dilantik di peringkat bahagian dan negeri adalah seperti berikut:

- ❖ Jawatankuasa Induk Pemantapan Pelaksanaan Pelan Strategik JKDM
- ❖ Jawatankuasa Pemantapan Pelaksanaan Pelan Strategik JKDM Bahagian
- ❖ Jawatankuasa Pemantapan Pelaksanaan Pelan Strategik JKDM AKMAL
- ❖ Jawatankuasa Pemantapan Pelaksanaan Pelan Strategik JKDM Zon / Negeri / PCKP

MEKANISME PELAKSANAAN

Perlantikan Jawatankuasa

JAWATANKUASA INDUK	JAWATANKUASA PELAKSANAAN DI PERINGKAT BAHAGIAN IBU PEJABAT / ZON / NEGERI
<p>Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan) dan ahli yang terdiri daripada Pengarah Bahagian dan wakil dari setiap bahagian yang dilantik.</p> <p>Bahagian Perancangan Korporat bertindak sebagai urus setia induk.</p>	<p>Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Penolong Ketua Pengarah Kastam Ibu Pejabat, Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon, Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah AKMAL, Pengarah Kastam Negeri dan PCKP.</p> <p>Pengerusi bertindak sebagai penggerak dan pemantau pelaksanaan projek / program / tindakan dan bertanggungjawab kepada Pengerusi Jawatankuasa Induk.</p> <p>Urus setia Bahagian Ibu Pejabat / Zon / AKMAL / Negeri / PCKP hendaklah melaporkan kepada urus setia induk berhubung dengan pelantikan jawatankuasa dan pegawai penyelaras di peringkat Bahagian Ibu Pejabat / Zon / AKMAL / Negeri / PCKP.</p>

Fungsi Dan Tanggungjawab Jawatankuasa

INDUK IBU PEJABAT	BAHAGIAN / ZON / NEGERI
Merancang program publisiti dan hebatan bagi mempromosikan pelaksanaan Pelan Strategik kepada seluruh warga jabatan di seluruh negara.	Menilai kemajuan pelaksanaan program / tindakan di peringkat Bahagian / Zon / AKMAL / Negeri / PCKP dan membuat penambahbaikan.
Memantau dan menilai keberkesanannya program	Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah AKMAL, Pengarah Kastam Negeri, PCKP mengambil tindakan melaksanakan program / tindakan mengikut Pelan Strategik yang telah ditetapkan.
Membuat analisis penilaian dan perakuan ke atas laporan yang diterima.	Menyediakan Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program (Bahagian / Zon / AKMAL / Negeri / PCKP) melalui sistem e-Pantau dan perlu dibentangkan kepada Pengarah masing-masing setiap 3 bulan.

MEKANISME PELAKSANAAN

Pelan Tindakan Strategik

BAHAGIAN IBU PEJABAT	ZON / NEGERI
<p>Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat dikehendaki membangunkan pelan operasi yang dinamakan Pelan Tindakan Strategik untuk bahagian masing-masing berdasarkan Pelan Strategik JKDM 2020-2024.</p> <p>Pengarah Bahagian Ibu Pejabat mengambil tindakan melaksanakan program / tindakan mengikut Pelan Strategik yang telah ditetapkan.</p>	<p>Penolong-Penolong Ketua Pengarah Kastam, Pengarah-pengarah Kastam Negeri, Pengarah AKMAL, Pengarah Operasi Zon dan Pemungut Cukai Kastam Persekutuan (PCKP) pula dikehendaki menyediakan Pelan Tindakan Strategik masing-masing berdasarkan Pelan Tindakan Strategik Bahagian mengikut keperluan dan kesesuaian masing-masing.</p> <p>Pengarah Kastam Negeri mengambil tindakan melaksanakan program / tindakan mengikut Pelan Tindakan Strategik yang telah ditetapkan.</p>

Anggaran Belanja Mengurus Dan Pembangunan

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon, Pengarah-Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah AKMAL, Pengarah Kastam Negeri dan PCKP dikehendaki menyediakan anggaran peruntukan belanja mengurus dan pembangunan berasaskan kepada keperluan masing-masing bagi menjayakan pelan tindakan yang dibangunkan.

Laporan Pelaksanaan

INDUK IBU PEJABAT	BAHAGIAN / ZON / NEGERI
<p>Bahagian Perancangan Korporat dikehendaki membentangkan prestasi dan pencapaian di Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti, Inovasi & Produktiviti yang dipengerusikan oleh TKPK (Pengurusan)</p>	<p>Jawatankuasa Pelan Strategik Bahagian Ibu Pejabat, AKMAL, Negeri dan PCKP dikehendaki membentangkan Laporan Prestasi dan Pencapaian di dalam mesyuarat pengurusan Bahagian / Zon / Negeri yang dipengerusikan oleh Penolong Ketua Pengarah Kastam / Pengarah / PCKP.</p> <p>Mesyuarat mestilah diadakan sekurang-kurangnya sekali bagi setiap suku tahun.</p> <p>Minit mesyuarat disalinkan kepada urus setia Ibu Pejabat.</p> <p>Bahagian / Zon / Negeri dikehendaki mengemukakan Laporan Pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik kepada Urus Setia Pelan Strategik di Bahagian Perancangan Korporat, Ibu Pejabat sebelum 10 hari bulan setiap bulan berikutnya melalui sistem e-Pantau.</p>

MEKANISME PELAKSANAAN

Kajian Semula Dan Kajian Impak

Untuk menentukan kebolehlaksanaan dan impak daripada pelaksanaan Pelan Strategik JKDM 2020-2024, kajian semula dan kajian impak perlu dibuat.

Kajian Semula (Review)

INDUK IBU PEJABAT	BAHAGIAN / ZON / NEGERI
Kajian semula ke atas tindakan / program / sasaran (KPI) perlu dibuat pada tahun 2022 selepas dua tahun pelan strategik ini dilaksanakan.	<p>Kajian semula perlu dibuat sekiranya pencapaian tidak mencapai sasaran (KPI) seperti yang ditetapkan.</p> <p>Menilai semula program / tindakan dan sasaran (KPI) dengan cara mencadangkan program penambahan atau program-program baru mengikut perubahan semasa.</p>

Kajian Impak

Kajian impak pula bertujuan untuk melihat impak pelaksanaan pelan strategik kepada kumpulan sasar selepas 4 tahun pelaksanaan Pelan Strategik JKDM 2020-2024.

INDUK IBU PEJABAT	BAHAGIAN / ZON / NEGERI
<ul style="list-style-type: none"> Kajian impak hendaklah dilaksanakan pada awal tahun 2025. Kajian impak hendaklah dilaksanakan oleh Seksyen Penyelidikan Sistem dan Prosedur, Bahagian Perancangan Korporat 	<ul style="list-style-type: none"> Kajian impak hendaklah dilaksanakan oleh Bahagian Ibu Pejabat / Zon / AKMAL / Negeri / PCKP pada tahun 2025.

MEKANISME PELAKSANAAN

Kajian Prestasi Pelan Strategik

Kajian prestasi bertujuan untuk melihat tahap dan prestasi pelaksanaan Pelan Strategik JKDM 2020-2024

INDUK IBU PEJABAT	BAHAGIAN / ZON / NEGERI
<p>Kajian ini hendaklah dibuat pada setiap tahun oleh Urus Setia Bahagian Perancangan Korporat, Ibu Pejabat.</p> <p>Laporan kajian ini akan dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan atau mesyuarat berkaitan seperti:</p> <p>Mesyuarat Inovasi dan Produktiviti oleh Bahagian Perancangan Korporat, Ibu Pejabat yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan).</p>	<p>Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah AKMAL, Pengarah Kastam Negeri dan PCKP juga dikehendaki membuat kajian prestasi pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik Tahunan masing-masing pada setiap tahun.</p> <p>Laporan kajian ini akan dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan atau mesyuarat berkaitan seperti:</p> <p>Mesyuarat pengurusan atau mesyuarat berkaitan oleh Jawatankuasa Pemantapan Pelaksanaan Pelan Strategik JKDM Peringkat Zon, Bahagian dan Negeri yang dipengerusikan oleh pengarah masing-masing.</p>

Tafsiran Skala Pencapaian

TAHAP	KRITERIA	INDIKATOR
1	Perancangan	
2	Pelaksanaan Awal	
3	Pelaksanaan Berjalan Lancar	
4	Pencapaian Objektif	

PENUTUP

Pelan Strategik ini merupakan usaha berterusan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam demi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar di bawah kepimpinan kerajaan. Ia menjadi teras jabatan dalam menyediakan perkhidmatan terbaik bagi memenuhi kehendak pemegang taruh (stakeholders) dan pelanggan.

Pelan Strategik 2020-2024 dibangunkan untuk mengurus dan melaksanakan program pembangunan secara holistik untuk tempoh lima tahun. Ia akan menjadi teras dan rujukan utama pihak pengurusan untuk memacu usaha ke arah merealisasikan visi “Kastam Peneraju Kemakmuran Negara”. Pelan tindakan strategik jabatan perlu berada di landasan yang betul bagi melaksanakan program-program mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Persekitaran yang semakin mencabar serta harapan tinggi pemegang taruh dan pelanggan memerlukan JKDM sentiasa bersedia melaksanakan perubahan dan penambahbaikan agar terus relevan. Pelaksanaan pelan strategik ini dipantau melalui penetapan sasaran dan pencapaian serta petunjuk prestasi yang jelas dan boleh diukur. Melalui pemantauan ini jabatan akan mengenal pasti sebarang isu dan masalah di peringkat pelaksanaan dan seterusnya mengambil langkah-langkah penambahbaikan yang bersesuaian agar Pelan Strategik JKDM 2020-2024 tercapai. Pelan strategik ini boleh ditambahbaik dari semasa ke semasa sekiranya timbul isu-isu strategik baharu yang memerlukan tindakan JKDM. Setiap pelan tindakan akan dilaksana berpaksikan misi dan visi JKDM.

JKDM akan terus memainkan peranan yang penting sebagai pemungut hasil utama negara khususnya cukai tidak langsung. Secara keseluruhannya, Pelan Strategik JKDM 2020-2024 akan menyatukan dan menggerakkan setiap jentera pentadbiran jabatan di setiap peringkat iaitu zon, negeri, bahagian, cawangan dan unit di JKDM bagi memastikan misi dan visi jabatan tercapai. Komitmen dan iltizam yang tinggi setiap warga JKDM merupakan elemen penting bagi memastikan pelan strategik yang digubal berjaya dilaksanakan dengan cemerlang seterusnya melonjak JKDM sebagai organisasi berprestasi tinggi.

PENGHARGAAN

AHLI JAWATANKUASA INDUK PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA TAHUN 2020 – 2024

Penasihat

YBhg. Dato' Dr. Zulkefli Bin Ibrahim

Pengerusi

Tuan Sharif Bin Aziz

Timbalan Pengerusi

Puan Norsiah Binti Abdul Ghani

Ahli Jawatankuasa

YBrs. Dr. Mohamad Bin Saprin

Tuan Abdull Wahid Bin Sulong

Tuan Mazuki Bin Md Taib

Tuan Aspawi Bin Ismail

Tuan Athavan A/L Subramaniam

Tuan Hazman Bin Ahmad

Tuan Hisham Bin Mohd Nor

Tuan Yahya Bin Sulaiman

Tuan Norizan Bin Yahya

Tuan Suhaimi Bin Yusoff

Tuan Ahmad Hafidzi Bin Harun

Tuan Mohd Ramlee Bin Musa

Tuan Azman Bin Abdul Aziz

Puan Samsinah Binti Sudin

Puan Zainah Binti Abdullah

Puan Aimy Sharfilah Binti Mat Satar

Puan Erniza Binti Ayob

Puan Hafipah Binti Noh

Tuan Lim Yu Jian

Tuan Hisyam Bin Mohd Hashim

Tuan Mohammad Firdaus Bin Baharudin

Puan Nur Ikhmal Binti Mohamed Dan

Tuan Amirul Irfan Bin Rusli

Puan Hamiyatun Saadiyah Binti Md Sedit

Encik Ahmad Huzaifah Bin Abdullah

Encik Muhammad Alif Izwan Bin Ithnin



KASTAM DIRAJA MALAYSIA



Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No.3, Persiaran Perdana
Presint 2
62596 Putrajaya

www.customs.gov.my
1-300-888-500

Royal Malaysian Customs Department
Ministry of Finance Complex
No.3, Persiaran Perdana
Presint 2
62596 Putrajaya

www.customs.gov.my
1-300-888-500